

Tahniah dari PM Lee kepada pasukan silat negara



KEMENANGAN MEMBANGGAKAN: Sheik Farhan (kiri) dan Muhammad Shakir, yang kepeluangannya disambut meriah di Lapangan Terbang Changi kelmarin, kini bergelar juara dunia setelah meraih pingat emas dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia ke-17. – Foto M.O. SALLEH

PERDANA Menteri Lee Hsien Loong mengucapkan tahniah kepada pasukan silat negara, termasuk Muhammad Shakir Juanda dan Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, yang dinobatkan sebagai juara dunia, dalam satu pos Facebook semalam.

Kepulauan pasukan silat negara pada Jumaat lalu menerima sorakan gemuruh dari ahli keluarga, peminat serta penyokong di Lapangan Terbang Changi, yang berasa bangga atas pencapaian baik mereka dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia ke-17 di Bali, Indonesia, baru-baru ini.

Muhammad Shakir dan Sheik Farhan dinobatkan sebagai pemenang pingat emas di kejohanan itu.

"Tahniah dan selamat pulang kepada pasukan silat negara, termasuk Muhammad Shakir Juanda dan Sheik Farhan Sheik Alau'ddin yang telah dinobatkan sebagai juara dunia selepas kedudunya memenangi pingat emas di Kejohanan Pencak Silat Sedunia di Bali baru-baru ini.

"Semasa saya bertemu dengan Sheik Farhan di majlis penyampaian Anugerah Jauhari *Berita Harian* pada (Ogos lalu), beliau sedang gigih berlatih untuk pertandingan ini. Syabas!" tulis Encik Lee di Facebook.

"Pasukan silat kita telah berjuang keras sepanjang pertandingan itu, dan mereka berjaya

meraih dua pingat emas, satu perak dan lapan gangsa. Setibanya di Lapangan Terbang Changi semalam (kelmarin), para atlet disambut meriah oleh ahli keluarga, rakan-rakan dan para peminat mereka," tambah Encik Lee.

Encik Lee turut berkongsi atau 'share' laporan muka satu *Berita Minggu* bertajuk *Juara dunia disambut meriah* di Facebooknya.

Muhammad Shakir, 28 tahun, berjaya menumpaskan pesilat Indonesia Firdhana Wahyu Putra di akhir-akhir perlawanan dalam kategori I (85-90kg) semasa pertandingan itu.

Sementara itu, Sheik Farhan pula berjaya menewaskan Mach Quoc Hung dari Vietnam dengan menguasai perlawanan dari awal hingga akhir bagi mencatat kemenangan dalam kategori J (90-95kg).

Kemenangannya itu bererti Sheik Farhan berjaya mempertahankan gelaran juara dunia yang dimenangkannya ke atas lawan yang sama pada tahun lalu di Bangkok.

Bagi Muhammad Shakir, ini kali kedua beliau bergelar juara dunia setelah kali terakhir memenangi kejuaraan itu dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia di Chiang Rai, Thailand, pada 2012.

Encik Lee berkata: "Kepada semua atlet, syabas dan terima kasih kerana terus mengharumkan nama negara!"



SYABAS: Perdana Menteri Lee Hsien Loong mengucapkan syabas kepada pasukan silat negara kerana berjaya mengharumkan nama Singapura.